

Penghayatan Agama (*Religiosity*) dan Praktis Keusahawanan: Analisis Implikasi dalam Pembangunan Usahawan Melayu¹

Religiosity and Entrepreneurial Behaviour: An Analysis of the Implications for the Development of Malay Entrepreneurship

SOLAHUDDIN ABDUL HAMID, MOHD SOBHI ISHAK, MOHD NIZHO ABDUL RAHMAN,
MOHD AKRAM DATO' DAHAMAN @DAHLAN & HYDZULKIFLI HAJI HASHIM

ABSTRAK

Sejarah telah membuktikan bahawa keberkesanan pelaksanaan sesebuah sistem ekonomi mempunyai hubungkait yang rapat dengan sentimen dan aspirasi masyarakat yang terbabit. Keghairahan dan ketinggian motivasi sesebuah masyarakat dalam bidang ekonomi sangat ditentukan oleh pola berfikir, kepercayaan, budaya dan sistem nilai yang terangkum dalam pandangan semesta (worldview) sesebuah masyarakat. Agama mendominasi pandangan semesta melalui pelbagai sifat (atribusi) kerohanian serta berkeupayaan mempengaruhi tingkahlaku dan orientasi sesuatu masyarakat kerana ia merupakan suatu cita-cita yang ingin dicapai oleh setiap individu. Dalam artikel ini, pola perkaitan antara penghayatan agama (religiosity) dengan pembangunan usahawan Melayu dibuktikan melalui kajian terhadap pelbagai bentuk penulisan dan kajian yang telah dilakukan sebelum ini. Hasil kajian mendapati, kejayaan dan kegemilangan yang dihasilkan dalam Tamadun Melayu sebelum ini bukanlah berlaku secara kebetulan, sebaliknya ia juga turut dipengaruhi oleh agama Islam yang menjadi asas unggul dalam memperkukuhkan hubungan tersebut. Agama adalah jati diri bagi seluruh umat Islam sama ada seseorang itu ikhlas atau tidak dalam beragama serta dalam suasana majoriti atau minoriti. Kecemerlangan dan keunggulan sesuatu bangsa hanya mungkin tercapai menerusi penghayatan nilai-nilai agama dan budaya sendiri. Manakala komitmen dalam keagamaan adalah bukti dan pernyataan identiti seseorang Muslim

Kata kunci: Penghayatan agama; keusahawanan; Melayu

ABSTRACT

History has proven that the effectiveness of implementing of a token economic system has a close relationship with the sentiments and aspirations of the society involved. The height motivation of a society in the economy is largely determined by the patterns of thinking, beliefs, culture and value systems embodied in the their worldview. Religion dominates the universe through a variety of spiritual attributes and ability to influence the behavior and orientation of a society as it is an ideal that every individual wants to achieve. In this article, the pattern of linkage between religiosity

¹ Kajian ini mendapat peruntukan sebanyak RM49,000.00 daripada geran penyelidikan RAGS untuk tempoh penyelidikan selama dua tahun.

and the development of Malay entrepreneurs is evidenced by the study of the various forms of writing and research conducted previously. The findings show that the success and excellence produced in the previous Malay Civilization did not happen by chance, but it was also influenced by Islam which became the basis of strengthening the relationship. Religion is the identity of all Muslims whether one is sincere or not in religion and in a majority or minority atmosphere. The excellence of a nation can only be achieved through the appreciation of its own religious and cultural values. While religious commitment is proof of a Muslim identity

Keywords: Religiosity; Entrepreneurship; Malay

PENGENALAN

Dari segi takrifan, Melayu boleh didefinisikan daripada dua sudut iaitu kelompok etnik atau sosiobudaya dan perlembagaan. Melayu sebagai kelompok etnik atau sosiobudaya merujuk kepada seseorang daripada sebarang bangsa Melayu dan menganut agama Islam serta mengamalkan adat istiadat Melayu. Manakala dalam konteks perlembagaan, takrifan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perkara 160 (2) memperuntukan bahawa:

Seseorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau pada hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura: atau dia adalah keturunan seseorang yang tersebut

Justeru, konsep Melayu yang difahami dalam kajian ini tidak dapat dipisahkan daripada tiga perkara tersebut yang juga menjadi nadi kehidupan mereka. Dalam tiga faktor pengukur ini, agama adalah yang paling utama kerana ia telah, masih dan akan terus memberikan jati diri dan makna hidup kepada umat Islam yang berbahasa Melayu. Islam ialah ciri penting dalam memberi konsep “orang Melayu” berasaskan kepada tradisi yang menganggap bahawa semua orang Melayu tanpa mengira asal keturunan, berpegang kepada Islam. Namun, terdapat kajian-kajian daripada sebahagian sarjana Barat seperti Parkinson (1975), yang mengaitkan ketidaktrampilan ekonomi orang Melayu adalah berpunca daripada beberapa faktor bukan ekonomi di mana Islam adalah antara faktor terpenting. Beliau mengandaikan ajaran Islam adalah antara unsur-unsur yang tidak menggalakkan ikhtiar di dalam kehidupan orang Melayu akibat daripada penjiwaan kepada konsep fatalisme. Selain itu, ketika

membincangkan konsep “fatalisme”, Geertz (1965) juga telah mengaitkan masyarakat Islam sebagai kurang memiliki keinginan pencapaian. Hujah-hujah tersebut turut disokong oleh Sutcliffe (1975) yang beranggapan bahawa berdasarkan ayat al-Quran surah *al-Ahzab* (33):36, bahawa tiada peruntukan kebebasan dalam Islam sedangkan kedua-duanya penting sebagai mekanisme pembangunan usahawan. Justeru, perbincangan artikel memfokuskan kepada Islam sebagai agama yang banyak mempengaruhi lapangan hidup dan sosio-ekonomi masyarakat Melayu khususnya dalam bidang keusahawanan.

ULASAN KARYA

Penghayatan agama merujuk kepada proses menghayati atau menjiwai akidah dan ajaran sesuatu agama. Ia boleh dizahirkan dalam bentuk upacara, pemujaan, permohonan dan pembentukan tingkahlaku dalam kehidupan seharian berdasarkan doktrin tertentu. Dalam konteks Islam sebagai *al-Din*, penghayatan tersebut tidak terbatas kepada suatu bentuk kepercayaan dan peribadatan semata-mata, malah lebih merupakan satu rangkuman sistem dan peraturan hidup yang syumul. Islam telah mengkonsepsikan penghayatan agama secara menyeluruh, iaitu tiada pemisahan antara kehidupan beragama yang bersifat spiritual dengan urusan-urusan lain yang bersifat keduniaan (Sayyid Qutb 1983). Ibn Khatir (*t.t.*) dan Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) menjelaskan, Islam adalah merangkumi kepercayaan (*Iman*), penyerahan (*Islam*), persetujuan hati (*qalb*) dan fikiran (*'aql*) yang diucapkan oleh lidah (*lisan*) serta diterjemahkan dalam bentuk perbuatan dan kerja (*'amal*). Seseorang yang mengaku terhadap sesuatu perkara, tidak akan memperolehnya berdasarkan pengakuannya semata-mata. Oleh itu, Islam adalah *al-Din* yang berintikan iman dan amal.

ISLAM DAN BUDAYA KEUSAHAWANAN

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) menjelaskan, konsep *al-Din* dalam tasawur Islam sendiri adalah gambaran idea sebuah kerajaan dan suatu kosmopolitan yang menjadikan perniagaan serta perdagangan sebagai kegiatan utama mereka. Dalam gambaran aktiviti yang mempunyai pelbagai risiko ini, manusia adalah selaku subjek dan objek yang mempertaruhkan modalnya sendiri. Manakala kerugian atau keuntungan adalah bergantung kepada tanggungjawab dan pelaksanaan kebebasan yang diberikan.

Istilah usahawan telah digunakan secara meluas di dalam al-Quran² apabila tema komersil ini telah diulang sebanyak 370 kali melalui 20 jenis terminologi yang berbeza. Kekekapan pengulangan tema ini menggambarkan bahawa adanya satu manifestasi semangat yang bersifat komersil dalam tasawur Islam (Mustaq Ahmad 1995). Antara contoh tema komersil tersebut adalah penggunaan terminologi *al-bay'* dalam al-Quran adalah dalam bentuk umum yang merujuk kepada pelbagai jenis aktiviti yang boleh mendatangkan keuntungan seperti urusan niaga, perniagaan dan industri. Dalam erti kata lain, *al-bay'* melibatkan aktiviti keusahawanan untuk mendapatkan keuntungan, bukannya kerja yang bergaji (Abulhassan Muhammad Sadeq 1991). Antara aktiviti keusahawanan lain yang telah dinyatakan dalam al-Quran adalah seperti industri senjata, batu-bata, pembinaan, permaidani, tembikar, tembaga, perabot, kaca, emas, perak, besi, keluli, kulit, kasut, perlombongan, pembinaan kapal dan lain-lain (Afzalur Rahman 1983).

Tasawur Islam menetapkan bahawa, selain mencari keuntungan untuk keperluan diri dan keluarga, usahawan juga turut menawarkan khidmat kebajikan kepada pengguna dengan memenuhi keperluan mereka terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan (Abd al-Sami' al-Misri 1986; Muhammad Nejatullah Siddiqi 2000). Justeru, penerapan budaya keusahawanan bukan sekadar sebagai memenuhi keperluan hidup manusia, malahan aktiviti komersil tersebut juga adalah sebahagian daripada gambaran spiritual Islam.

MELAYU DAN BUDAYA KEUSAHAWANAN

Dalam konteks masyarakat Melayu, aktiviti keusahawanan bukanlah sesuatu yang asing dalam kehidupan mereka kerana ia telah wujud semenjak beberapa dekad yang lampau. Masyarakat Melayu telah berniaga sama ada secara besar-besaran atau kecil-kecilan bermula daripada zaman sebelum kemunculan Kesultanan Melayu Melaka sehingga kedatangan Inggeris (Syed Husin Ali 1975; Zainuddin Hassan dan Rozeyta Omar 2003). Aktiviti ekonomi ini merupakan kesinambungan daripada tradisi aktiviti ekonomi masyarakat pribumi yang telah bermula sejak dari abad ke 7M hingga abad

²Antaranya, surah *al-Baqarah* (2): 16, *al-Nisa'* (4): 29, *al-Tawbah* (9): 24, *al-Nahl* (16): 14, *al-Isra'* (17): 12 & 66, *al-Nur* (24): 37, *al-Qasas* (28): 73, *al-Rum* (30): 46, *al-Fatir* (35): 12 & 29, *al-Zukhruf* (43): 12, *al-Jathiyah* (45):12, *al-Saf* (6):10, *al-Jumu'ah* (62): 10 & 11 dan *al-Muzammil* (73): 20).

ke 13M iaitu ketika zaman awal Kerajaan Melayu Langkasuka dan Sriwijaya (Muhammad Yusoff Hashim 1990). Gullick (1988) menjelaskan bahawa sistem ekonomi orang Melayu bukanlah bercorak tertutup atau sekadar cukup untuk sara diri sahaja kerana hasil pertanian mereka dikatakan lebih daripada mencukupi untuk keperluan hidup. Manakala bijih timah yang dieksport merupakan salah satu mekanisme yang digunakan untuk membeli kain baju, barang-barang makanan dan keperluan lain dari luar negeri berasaskan satu sistem pertukaran wang dan bukannya sistem barter. Masyarakat Melayu telah berniaga sama ada secara besar-besaran atau kecil-kecilan bermula daripada zaman sebelum kemunculan Kesultanan Melayu Melaka sehingga kedatangan Inggeris (Syed Husin Ali 1975). Justeru, andaian bahawa orang Melayu tidak mempunyai budaya usahawan (Sloane 1999) adalah tidak tepat kerana aktiviti perdagangan bukan sesuatu yang baru bagi mereka.

Kepulauan Melayu dan sekitarnya merupakan medan perdagangan dan aktiviti maritim rumpun Melayu sejak hampir 1000 tahun bermula daripada zaman Empayar Srivijaya sehingga ke zaman penjajahan kolonialis Barat pada abad ke 16M. Kapal-kapal dagangan mereka telah sampai di Pelabuhan negeri China, Famosa, Indo-China, Siam, Burma, India, Arab bahkan ada yang sampai ke Afrika Utara. Kemahiran, kecekapan dan kegigihan para pedagang Melayu sukar disaingi oleh para pedagang Eropah sendiri. Lanjutan itu, jalan pintas untuk mereka menguasai perdagangan di alam Melayu ialah melalui taktik kotor dan kekerasan dengan menggunakan kekuatan ketenteraan (Hashim Hj. Musa 2006).

Penaklukan Portugis (1511-1641) adalah permulaan kepada berakhirnya era perdagangan bebas di Melaka khususnya bagi orang Melayu. Kemudian diikuti oleh penjajahan Belanda (1641-1824), British (1824-1941), Jepun (1941-1945) dan British semula (1945-1957) secara bersilih ganti dalam tempoh lebih kurang 446 tahun. Dalam tempoh yang panjang tersebut, terdapat pelbagai usaha dilakukan untuk mengekalkan orang Melayu sebagai anak jajahan mereka. Antaranya, menghapuskan kewujudan golongan pedagang Melayu di mana penguasaan perdagangan mereka telah dirampas secara kekerasan. Akhirnya orang Melayu tidak lagi menjadi pedagang sebaliknya mereka telah ditolak ke kawasan pendalaman menjadi golongan petani, pesawah dan pekebun kecil (Ros Hasri Ahmad dan Siti Masnah Saringat 2004). Kemuncaknya, kelas saudagar Melayu telah berjaya dihapuskan sehinggakan negeri-

negeri di alam Melayu ini ketandusan golongan peniaga dan pedagang. Akibat daripada strategi imperialis Barat tersebut, orang Melayu telah mengalami proses kemunduran yang drastik, baik kemunduran tamadun ataupun mental dan spiritual (Wan Abdul Kadir 2002).

METODOLOGI

Artikel ini akan menganalisis implikasi penghayatan agama Islam dalam pembangunan keusahawanan dalam kalangan usahawan Melayu. Huraian analisis teoretikal kajian ini adalah berasaskan kepada hasil-hasil penulisan terdahulu dan semasa. Ini kerana, *worldview* yang terbentuk melalui tradisi tulisan ini turut mewakili tingkahlaku dan orientasi sesuatu masyarakat kerana ia merupakan asas serta lambang kepada pembentukan kesenian, falsafah, pemikiran, manifestasi, nilai, pengetahuan, etika dan estetika, kesusasteraan, sosioekonomi, kepercayaan, undang-undang serta corak kehidupan sesebuah bangsa.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kajian mengenai aktiviti keusahawanan yang dikaitkan dengan nilai-nilai agama umumnya banyak telah dipelopori oleh ahli-ahli sains sosial bukan Islam. Hasil-hasil kajian mereka telah banyak memberi sumbangan ilmu kepada masyarakat seluruh dunia termasuk masyarakat Islam sendiri. Antara yang terkenal, teori Weber (1930) yang mengandaikan bahawa peningkatan semangat keusahawanan dan pembangunan kapitalisme Barat adalah berpunca daripada etika Protestan yang mencipta motivasi keagamaan. Gagasan pemikiran beliau telah diperluaskan oleh McClelland (1987) yang menggabungkan hipotesis Max Weber tentang etika kerja Protestant dan semangat kapitalisme dengan dapatan kajian Winterbottom (1953) yang cuba menunjukkan kemungkinan wujudnya perkaitan antara keinginan pencapaian dengan pembangunan ekonomi. Teori motivasi keinginan pencapaian (*n-ACH*) beliau telah diterima baik oleh masyarakat khususnya dalam bidang keusahawanan. Sungguhpun gagasan yang dikemukakan oleh Weber (2001) telah menimbulkan kontroversi, tetapi prinsip umum yang ditegakkannya itu tidak dipertikaikan. Prinsip umum tersebut ialah di antara agama dan ekonomi terdapat pertalian yang timbalbalik, saling pengaruh mempengaruhi. Banyak kajian yang dibuat dalam masa berikutnya membenarkan prinsip ini.

Selain itu, Bellah (1957) menyatakan bahawa ajaran Buddhisme, Shintoisme dan Konfusianisme telah membentuk etika Zen Buddhisme yang mempengaruhi kemajuan Jepun. Manakala Davis (1992) pula mengaitkan hubungan masyarakat dan agama dalam proses pembangunan di Jepun dan negara Asia Timur lain. Konfusianisme juga dikatakan tunjang kepada kepesatan industri di Jepun, Taiwan, Korea Selatan dan Hong Kong (Vogel 1991).

Dalam hal ini, hipotesis kajian yang dilakukan sudah tentu lebih cenderung mengutarakan beberapa kebaikan khusus tradisi intelektual masing-masing dengan membezakan agama dan peradaban mereka berbanding manusia lain secara keseluruhannya. Justeru, perbezaan hasil kajian dari segi terminologi, teori-teori, model dan konsep dianggap sebagai suatu hal yang munasabah berdasarkan perbezaan pegangan agama, budaya dan latarbelakang ilmu yang mereka miliki. Menurut Amir Hussin Baharuddin (2002), berbeza dengan sains fizikal dan tulen seperti matematik, bidang sains sosial dan kemanusiaan yang melibatkan gelagat dan institusi manusia memang tiada unsur keselarasan dan keserasian secara langsung walaupun memang terdapat sesetengah konsep dan teori sains sosial yang universal. Namun, apabila manusia itu mengambilkira soal agama, budaya, dan kuasa, cerita rasionalnya sudah berubah. Begitu juga dengan rumusan Rahimin Affandi Abd. Rahim et al. (2010) berdasarkan analisis secara terperinci oleh Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), Muhammad Abu Bakar (1991) dan Zaid Ahmad (2001) bahawa kerangka epistemologi konsep pembangunan Barat yang bersifat anti agama telah gagal untuk membawa kebahagiaan yang seimbang dalam kalangan negara Islam yang telah mempraktikkannya termasuk Malaysia.

Dalam hal ini, pengkaji bersetuju dengan cadangan Abdel H Bashir (1998) bahawa sudah sampai masanya untuk umat Islam membuat kajian empirikal terhadap hubungan nilai-nilai Islam dengan prestasi usahawan. Hujahnya, ia adalah bagi membuktikan bahawa mengamalkan nilai-nilai Islam dalam aktiviti perniagaan bukan merupakan antara sebab-sebab kegagalan dalam perniagaan, sebaliknya tidak mengamalkan nilai-nilai yang baik ini merupakan antara sebab usahawan gagal dalam perniagaan mereka.

Hubungan antara Islam dan perkembangan keusahawanan Melayu ini dikemukakan dalam bentuk kajian historis dan empirikal. Dalam konteks kajian historis, aktiviti perdagangan merupakan nadi utama sistem ekonomi Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka (1400-1511M). Cortesao (1944) dalam “*Suma Oriental of Tom Pires*” menyatakan bahawa Tom Pires ada mencatatkan pada setiap tahun terdapat sekurang-kurangnya 100 buah kapal yang besar dan 30 hingga 40 buah kapal-kapal kecil datang ke pelabuhan Melaka. Saiz pelabuhan Melaka begitu besar sehingga boleh menampung hampir 2000 buah kapal yang berbagai saiz untuk sesuatu masa. Simon Elegant (1999) pula menyatakan Melaka adalah salah sebuah daripada tiga pelabuhan yang tersibuk di dunia dengan menerima 2000 buah kapal dagang setiap hari. Manakala Shellabear (1932) menggambarkan suasana perdagangan di Melaka dengan menyatakan:

“maka segala dagang atas angin dan bawah angin sekeliannya datang ke Melaka terlalu ramai, bandar Melaka pada ketika itu maka oleh segala orang Arab dinamakan Malakat ertinya perhimpunan segala dagang kerana banyak jenis dagang ada di sana dan segala orang besar-besar pun sangat saksama”

Ketika ini, orang Melayu juga sudah terkenal sebagai pelaut atau pedagang yang menguasai perdagangan di semua pelabuhan di Selat Melaka dan kawasan lain di rantau ini. Ada yang bertindak sebagai pemborong, pengimport barangan luar, membuka kedai runcit dan gerai terutamanya bagi golongan wanita. Di samping itu, ada juga yang menawarkan pelbagai perkhidmatan dan kemahiran seperti menyediakan gudang untuk disewakan sebagai tempat menyimpan barang dagangan, tempat penginapan, membaiki kapal, jahit menjahit, bungkus-membungkus serta bekerja sebagai kakitangan dan buruh di pelabuhan (Muhammad Yusoff Hashim 1990).

Selain para pemerintah berjaya membentuk iklim perdagangan yang amat baik melalui pentadbiran yang cekap dan adil, mewujudkan jawatan Syahbandar serta mengamalkan dasar ‘buka pintu’ dalam hubungan diplomatik, pengaruh agama juga memainkan peranan yang penting. Melaka bertambah makmur sewaktu agama Islam sedang tersebar luas di Alam Melayu sehingga menarik minat ramai pedagang asing yang hendak bermastautin dan seterusnya penjajah-penjajah yang hendak memerintah. Para sarjana telah merumuskan bahawa teras pembinaan tamadun

Melayu silam dengan ungkapan “keraton-pasar-pesantren”. Ketiga-tiga istilah ini jelas menggambarkan tonggak tamadun Melayu ialah kuasa politik-ekonomi perdagangan-tradisi keilmuan keagamaan Siddiq Fadzil et al. (2005). Dalam erti kata lain, adalah tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa kejayaan bangsa Melayu dalam bidang ekonomi dan perniagaan turut dipengaruhi dengan keberkesanan pelaksanaan sistem ekonomi Islam dalam bentuknya yang tersendiri pada abad ke 15M.

Dalam pada itu, terdapat juga teori yang mengatakan bahawa peranan serta sumbangan Hinduisme melalui kedudukan golongan Brahma yang dianggap suci dan menduduki tempat tertinggi dalam sistem kasta Hindu adalah asas yang membawa ‘budaya tinggi’ kepada masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia (Krom 1950). Bagaimanapun, apa yang jelas ialah penerimaan ‘budaya tinggi’ yang dimaksudkan itu rata-rata lebih merujuk kepada kemajuan dalam bidang kesenian seperti pada binaan candi, tugu dan monumen yang bercirikan Hinduisme bukannya merujuk kepada perdagangan (Mohd Zariat Abdul Rani 2005). Pandangan tersebut juga selari dengan dapatan kajian Geertz (1960) mendapati unsur perdagangan orang Jawa versi Islam adalah lebih murni daripada masyarakat umum yang ditemui di Jawa manakala kedatangan agama Timur Tengah adalah sebagai sebahagian daripada perkembangan perdagangan secara besar-besaran di Laut Jawa. Begitu juga dengan pandangan Syed Hussein al-Attas (1972) bahawa penghayatan nilai-nilai agama mempunyai pengaruh yang positif dengan pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Asia.

Dalam konteks empirikal dan semasa, kajian Chin Yee Wah (2001) mendapati, sebahagian besar usahawan Cina dalam kajiannya bersetuju bahawa usahawan kaum Bumiputera ialah satu golongan yang sedang muncul dalam arena keusahawanan dan dianggap sebagai rakan kongsi penting dalam perniagaan serta sebagai aset negara. Manakala separuh daripada usahawan Cina yang telah diwawancara mengakui bahawa kejayaan golongan usahawan Bumiputera adalah berpunca daripada kebolehan serta bakat mereka sendiri. Kajian Solahuddin Abdul Hamid (2012) terhadap usahawan Melayu yang telah diklasifikasikan sebagai berjaya oleh MARA negeri Kedah mendapati tahap penghayatan agama responden adalah tinggi dan agama memainkan peranan penting dalam mempengaruhi aktiviti keusahawanan mereka. Dalam pada itu, kajian Solahuddin Abdul Hamid dan Mohd Akram Dahaman@ Dahlan (2013) terhadap motif penglibatan usahawan kecil di pasar-pasar

hari dan pasar malam di negeri Kedah juga mendapati, selain memenuhi keperluan hidup, faktor agama turut memainkan peranan penting yang mendorong penglibatan mereka dalam aktiviti komersil tersebut secara sambilan.

Manakala kajian Norasmah Hj. Othman et al. (2005) terhadap amalan nilai-nilai yang bercirikan Islam dalam pengurusan perniagaan ke atas usahawan Muslim di Rantau Panjang, Kelantan mendapati, tidak wujud perbezaan yang signifikan antara amalan pengurusan perniagaan, pengamalan nilai-nilai Islam dan hal-hal yang berkaitan dengan peribadi dalam kalangan usahawan lelaki dan wanita. Kajian Wan Sabri Wan Hussin (2001) untuk melihat serta membandingkan amalan dan disiplin aktiviti berniaga yang selari dengan etika perniagaan Islam dalam kalangan usahawan tanpa mengira bangsa di seluruh Malaysia. Beliau mendapati, usahawan yang merasakan mereka berjaya (berpendirian positif) di dalam perniagaan mempunyai ciri-ciri lebih Islamik berbanding usahawan yang bersifat pesimistik (berpendirian negatif) terhadap masa depan. Kajian religiositi Khairul Anuar Mastor (2002) mendapati, selalunya sifat-sifat (atribusi) agama seperti takut kepada Allah SWT akan mempengaruhi dan memberi dorongan kepada tingkahlaku dalam kehidupan individu.

Dapatan ini secara tidak langsung menolak andaian yang menyatakan bahawa aktiviti keusahawanan bukan budaya masyarakat Melayu manakala Islam adalah penyebab utama kepada kemunduran mereka dalam bidang ini. Kelompok etnik juga bukan memainkan peranan penting dalam membentuk motivasi keinginan pencapaian khususnya dalam bidang keusahawanan

CADANGAN KAJIAN

Rumusan yang dapat dibuat berdasarkan analisis dan perbincangan sebelum ini adalah agama memainkan peranan penting kepada masyarakat Melayu terutama dalam kehidupan seharian serta pembangunan ketamadunan mereka. Tamadun Melayu adalah sebahagian daripada tamadun induk yang lebih besar iaitu tamadun Islam, sebuah tamadun yang berpaksikan ajaran Islam dan dipimpin oleh umat Islam. Islam telah memulakan satu proses permodenan yang sangat besar ertinya bagi orang-orang Melayu dengan mempengaruhi gaya pemikiran dan cara bertindak kepada pembinaan tradisi budaya mereka. Hasilnya, Islam serta falsafah dan pemikiran Melayu dimanifestasikan secara arus perdana dalam bentuk perlakuan, adat resam, budi

bahasa, akhlak dan tingkahlaku dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu sehingga membawa kepada kegemilangan sejarah tamadun-Melayu Islam selama lebih dari enam abad.

MEREKONSTRUKSI PEMBANGUNAN USAHAWAN MELAYU DENGAN ISLAM

Sejarah telah membuktikan bahawa keberkesanan pelaksanaan sesebuah sistem ekonomi mempunyai hubungkait yang rapat dengan sentimen dan aspirasi masyarakat yang terbabit (Nik Mustapha B. Hj. Nik Hassan 1989). Kejayaan dan kegemilangan yang dihasilkan dalam Tamadun Melayu sebelum ini bukanlah berbentuk sejarah semata-mata, sebaliknya ia juga mempunyai unsur sebab dan akibat di mana agama Islam menjadi asas unggul dalam memperkukuhkan hubungan tersebut. Begitu juga, jika dilihat daripada sudut mana sekalipun, baik etno-linguistik, sejarah-peradaban, perundangan mahupun kesedaran umum, unsur paling mempengaruhi dalam semangat patriotisme Melayu adalah Islam. Memandangkan proses transformasi keislaman di Tanah Melayu turut melibatkan adat dan budaya Melayu, maka orang Melayu akan kehilangan segala-galanya termasuk keperibadian mereka kerana meninggalkan Islam bererti meninggalkan takrifan Melayu itu sendiri (Siddiq Fadzil 1992).

Justeru, adalah tidak sukar bagi orang Melayu untuk mencari model atau formula yang perlu dicontohi kerana sebagai umat Islam model dan formula itu telah berada di hadapan mereka. Gabungan kajian berbentuk teori dan aplikasi perlu diperluaskan lagi untuk menghuraikan konsep personaliti usahawan berteraskan tasawur Islam supaya ia dapat disesuaikan dan diaplikasikan kepada orang Melayu dan Islam khususnya serta kepada semua masyarakat umumnya.

Tambahan pula, aktiviti perniagaan tidak boleh beroperasi dengan terasing daripada persekitaran politik, budaya, ekonomi dan teknologi (Khaliq Ahmad dan AbulHassan M. Sadeq 2001). Muhammad Nejatullah Siddiqi (2000) pula menyatakan, jika mahu mencapai perubahan hidup, seharusnya dilaksanakan pendekatan yang sesuai dengan semua aspek kehidupan mereka sama ada ekonomi, politik, sosial dan kerohanian. Ini kerana, kecemerlangan dan keunggulan sesuatu bangsa hanya mungkin tercapai menerusi penghayatan nilai-nilai agama dan budaya sendiri. Hakikat ini turut diakui oleh Drucker (1979) yang menegaskan bahawa sistem pengurusan yang baik dan

berjaya ialah sistem yang diasaskan kepada nilai-nilai masyarakat itu sendiri untuk keperluan mereka sendiri. Dengan merujuk Jepun dan German sebagai contoh, beliau menyatakan kemampuan kedua-dua negara tersebut bangkit semula selepas menderitai kekalahan paling parah dalam sejarah, bukan kerana mereka telah menukar budaya sendiri, tetapi merubah perilaku mereka.

Muhammad Abdul Manan (1980) menyatakan, kesyumulan ajaran Islam menyebabkan ia lebih sesuai untuk diaplikasikan dengan merentasi suasana, masa atau tempat. Justeru, kemungkinan mewujudkan tabiat manusia yang besesuaian dengan keperluan-keperluan pembangunan ekonomi berdasarkan tasawur Islam adalah lebih besar berbanding dengan perspektif Barat atau Jepun. Islam mengiktiraf keperluan hidup yang bersifat metafizikal dan fizikal, mengutamakan kepentingan umum melebihi kepentingan peribadi, boleh membawa keselamatan dan ketenangan kepada individu serta keutuhan negara.

RUMUSAN

Kesimpulannya, adalah tidak tepat untuk mengaitkan kemunduran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu ketika ini dengan agama Islam yang dianuti oleh mereka. Islam melalui ajarannya telah menyediakan satu kerangka konsep dan budaya yang menggalakkan umatnya ke arah satu usaha yang dijalankan secara rasional untuk mendapatkan keuntungan ekonomi. Namun, sejauhmana orang Melayu berkeupayaan melakukan lonjakan adalah bergantung kepada kekuatan nilai-nilai dalam agama mereka dan kesungguhan mereka menghayatinya dalam pelbagai aspek kehidupan. Berdasarkan perkembangan sejarah yang dihuraikan sebelum ini, jelas terdapat hubungan '*prima facie*' antara pencapaian orang Melayu yang beragama Islam dalam lapangan ekonomi dengan sifat-sifat yang orientasi agama yang mereka anuti. Walau bagaimanapun, penaklukan Portugis adalah permulaan kepada berakhirnya era kegemilangan tersebut khususnya. Kedatangan penjajah British telah membawa kesan yang lebih besar berbanding penjajahan Portugis dan Belanda sebelumnya kerana British bukan sahaja menguasai politik dan ekonomi, malah turut berusaha membantutkan perkembangan agama Islam dan kemajuan bangsa Melayu. Justeru, pembangunan semula keusahawanan orang Melayu memerlukan transformasi sosial yang terencana berasaskan sistem budaya dan struktur sosial mereka. Dalam hal ini,

etos kerja, prinsip dan nilai-nilai Islam adalah yang paling hampir dengan jiwa mereka.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Sami‘ al-Misri. 1986. *al-Tijarah fi al-Islam*, c. 2. ‘Abidin: Maktabah Wahbah.
- Abdel H. Bashir. 1998. Ethical Norms and Enforcement Mechanism in Profit-Sharing Arrangements. *The Mid-Atlantic Journal of Business*, Disember 1(3): 255-265.
- Abulhassan Muhammad Sadeq. 1991. *Economic Development in Islam*, c. 2. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Afzalur Rahman. 1983. *Subject Index of Quran*, Lahore: Islamic Publications.
- Amir Hussin Baharuddin. 2002. Sains Ekonomi Dalam Realiti Malaysia Suatu Penilaian Kritis, Siri Syarahan Umum. *Syarahan Umum Perlantikan Profesor*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Bellah, R. N. 1957. *Tokugawa Religion, The Values of Pre-Industrial Japan*. Illinois: The Free Press.
- Cortesao, A. 1944. *The Suma Oriental of Tom Pires*, j. 2. London: Hakluyt Society.
- Davis, W. 1992. *Japanese Religion and Society, Paradigms of Structure and Change*, Albany: State University of New York Press.
- Drucker, P. F. 1974. *Management: Tasks, Responsibilities, Practices*. London: Heinemann.
- Elegant, S. 1999. A Pyrrhic Victory: The Portuguese Poured Blood And Money Into The Capture Of Malacca In 1511 - Only To Destroy It. *Eastern Economic Review* 162(23): 45.
- Geertz, C. 1960. *The Religion of Java*. Glencoe: Free Press.
- Geertz, C. 1965. Modernisation in a Muslim Society: The Indonesian Case. Dlm. Bellah, R. N. (eds.), *Religion and Progress in Modern Asia*. New York: The Free Press.
- Gullick, J. M. 1988. *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London: The Athlone Press.
- Hashim Hj Musa. 2006. Islam dan Tamadun Melayu: Peranannya Dalam Pembinaan Tamadun Malaysia. (Seminar Islam Hadhari dan Pembangunan Ummah Peringkat Kebangsaan, 24-26 Mac, Anjuran YADIM, Hotel Pan Pacific, KLIA).

- Ibn Khatir, 'Imad al-Din Abi al-Fida' Isma'il bin Kathir (t.t.) *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, j. 2. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Khairul Anuar Mastor. 2002. Religion and Religiosity: Measurable Constructs? *SARJANA, Journal of the Faculty of Arts and Social Sciences*, University Malaya 19/20: 96-103.
- Khaliq Ahmad dan AbulHassan M. Sadeq.2001. Ethics in Business and Management: A Summary. Dlm. Khaliq Ahmad dan AbulHassan M. Sadeq (eds.), *Ethics in Business and Management, Islamic and Mainstream Approach*. London: ASEAN Academic Press.
- Krom, N. J. 1950. *Zaman Hindu*, Arif Effendi (terj.) Jakarta: P.T. Pembangunan.
 Leur, J. C. V. 1955. *Indonesia Trade and Society: Essays in Asian Social and Economic History*. The Hague: W. Van Hoeve.
- McClelland, D. C. 1987. *Human Motivation*. New York: Cambridge University Press.
- Mohd Zariat Abdul Rani. 2005. Antara Islam dan Hinduisme di Alam Melayu: Beberapa Catatan Pengkaji Barat. *Sari, Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 23: 67-82.
- Muhammad Abu Bakar. 1991. Konsep Kemajuan Moden dan Komitmen Kehidupan Muslim. *Jurnal ISLAMIKA* IV: 222-233.
- Muhammad Abdul Manan. 1980. *Islamic Economics: Theory and Practice (A comparative Study)*. Delhi: Idarah-I Adabiyat-I Delli.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi. 2000. *The Economic Enterprise in Islam 2*. Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka pada Abad ke 15 dan Abad ke 16 dalam Sejarah Malaysia* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustaq Ahmad.1995. *Business Ethics in Islam* Islamabad: International Institute of Islamic Thought.
- Nik Mustapha B. Hj. Nik Hassan.1989. Pendekatan Sistem Ekonomi Islam dalam Meningkatkan dan Memajukan Kedudukan Ekonomi Masyarakat Melayu. *Occasional Paper Kulliyah of Economics* 1(1) Gombak: International Islamic University.
- Norasmah Bt Hj Othman et al. 2005. Amalan Nilai-Nilai Islam dalam Pengurusan Perniagaan di Kalangan Usahawan Islam. (Proceeding, International Seminar on Muslim Women, 2&3 April, di Centre For Islamic and Social Development): 320-324.

- Parkinson, B. K. 1975. Non-Economic Factors in the Economic Retardation of the Rural Malays” dalam David Lim (eds.) *Readings on Malaysian Economic Development*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim et al. 2010. Islam dan Perubahan di Malaysia: Analisa Terhadap Pemikiran Konsep Fiqh Malaysia. (Prosiding Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Masyarakat Malaysia di Universiti Malaya, 5-6 Oktober).
- Ros Hasri Ahmad dan Siti Masnah Saringat. 2004. Melayu dan Perniagaan: Suatu Rintisan Sejarah. *Jurnal Akademik* 4: 23-36.
- Sayyid Qutb. 1983. *al-Mustaqbal li Hadha al-Din*, Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Shellabear, W. G. 1932. *Sejarah Melayu*. Singapura: The Malaya Publishing House.
- Siddiq Fadzil. 1992. *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Siddiq Fadzil et al. 2005. *Pengurusan dalam Islam, Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM Sdn. Bhd.
- Sloane, P. (1999), *Islam, Modernity and Entrepreneurship Among The Malays*. London: Macmillan Press LT.
- Solahuddin Abdul Hamid. 2012. Penghayatan Sebagai Motivasi Keinginan Pencapaian Usahawan: Kajian Usahawan Melayu MARA Kedah. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam.
- Solahuddin Abdul Hamid dan Mohd Akram Dahaman@ Dahlan. 2013. Motif Keusahawanan: Kajian Usahawan Melayu Daerah Pendang. Laporan Penyelidikan Kolej . Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia.
- Sutcliffe, C. R. 1975. Is Islam an Obstacle to Development? Ideal Patterns of Belief Versus Actual Patterns of Behavior. *Journal of Developing Areas* 10: 77-81.
- Syed Hussein Alatas. 1972. *Modernization and Social Change: Studies in Modernization, Religion, Social Change and Development in South-East Asia*. Sydney: Angus & Robertson (Publishers) PTY LTD.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Syed Husin Ali. 1975. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi Sdn. Bhd.
- Vogel, E. F. 1991. *The Four Little Dragons: The Spread of Industrialization in East Asia, h*. London: Harvard University Press.
- Wah, Chin Yee. 2001. Transformasi Budaya Niaga Usahawan Cina di Semenanjung Malaysia. *Kajian Malaysia* XIX(1): 70-85.

- Wan Abdul Kadir. 2002. *Tradisi dan Perubahan Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2001. *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wan Sabri Wan Hussin. 2001. Nilai dan Etika Islam dalam Perniagaan Amalan dan Tanggapan Masyarakat Malaysia. (Tesis Doktor Falsafah, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya).
- Weber. M. 2001. *The Protestant Ethics and The Spirit of Capitalism*. First Published in Routledge, New York: Routledge.
- Zaid Ahmad. 2001. Epistemologi dan Dimensi Kemanusiaan dalam Kajian Bandar: Satu Analisis Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Islam* 9(3): 33-40.
- Zainuddin Hassan dan Rozeyta Omar.2003. Aktiviti Keusahawanan Masyarakat Melayu pada Zaman Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. (Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu a1, 12-14 Ogos, Institut Peradaban Melayu, UPSI).

Solahuddin Abdul Hamid
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok
Kedah
E-mel: solah@uum.edu.my

Mohd Sobhi Ishak
Pusat Pengajian Teknologi, Multimedia dan Komunikasi
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok
Kedah
E-mel: msobhi@uum.edu.my

Mohd Nizho Abdul Rahman
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok
Kedah

E-mel: nizho@uum.edu.my

Mohd Akram Dato' Dahaman @Dahlan
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok
Kedah
E-mel: akram@uum.edu.my

Hydzulkifli Haji Hashim
Pusat Pengajian Perniagaan Islam
Kolej Perniagaan
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok
Kedah
E-mel: hydzulkifli@uum.edu.my

Diserahkan: 13 April 2017
Diterima: 13 Oktober 2017